

Bahagian A


[20 markah]

[Masa dicadangkan : 55 minit]

Soalan 1 - 10

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.




- 1 Pelayan restoran itu sedang _____ makanan untuk pelanggannya.
A menjulang
B menatang
C mengangkat
D menjunjung

- 2 Perjumpaan Hari Keluarga diadakan bertujuan agar ahli-ahlinya dapat _____ antara satu sama lain.
A tahu-menahu
B tengok-menengok
C soal-menyual
D kenal-mengenal


- 3 Badannya kelihatan _____ akibat tidak lalu makan selama beberapa hari.
A kecut
B surut
C susut
D lurut

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



- 4 Jentera berat di atas digunakan untuk meratakan tanah sehingga menjadi _____.
- | | |
|-----------------|-----------------|
| A mampat | C kental |
| B rapat | D kukuh |
- 5 Suasana di rumah Puan Shanti _____ dengan suara cucu-cucunya yang pulang bercuti.
- | |
|----------------------|
| A riuh-rendah |
| B kucar-kacir |
| C kelam-kabut |
| D huru-hara |
- 6 Walaupun arahan untuk meninggalkan kawasan itu telah diberikan, namun terdapat sebilangan penduduk yang _____ belum berbuat demikian.
- | | |
|------------------|-----------------|
| A sungguh | C selalu |
| B sekali | D masih |

Soalan 7 berdasarkan gambar di bawah.



- 7 Pokok yang tumbang itu telah _____ beberapa buah kereta di tempat letak kereta itu.
- A menghempap C menghenyak
B menghempas D menghimpit
- 8 Ahmad datang ke sekolah dengan _____ sahaja kerana Sambutan Hari Guru diadakan di sekolahnya pada hari itu.
- A melenggang C melencung
B melenggok D melenggong
- 9 Encik Salleh _____ dengan panggilan Pak Su dalam kalangan anak buahnya.
- A merdu
B rapat
C manja
D mesra
- 10 Pemuda itu masih lagi _____ walaupun terbukti dialah yang melakukannya.
- A bertapi-tapi C berbisik-bisik
B berura-ura D beriak-riak

Soalan 11 - 15

Ayat-ayat yang berikut **mungkin betul dan mungkin salah**. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan **A, B atau C** dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan **D**.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 11 Para pemaju perumahan tidak mengindahkan teguran penduduk agar mengatasi masalah tersebut. Tiada kesalahan.
A B C D
- 12 Dia terkejut apabila diberitahu bahawa dia tidak bersalah dan terlepas daripada sebarang hukuman. Tiada kesalahan.
A B C D
- 13 Para pelajar dilarang berbuat bising di dalam kelas supaya tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran. Tiada kesalahan.
A B C D
- 14 Ibu sedang memasak rendang ayam daging untuk dihidangkan kepada tetamu yang berkunjung ke rumah semasa Hari Raya Aidilfitri. Tiada kesalahan.
A B C D
- 15 Datuk Alimuddin menerima dokumen serahan tugas daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia yang akan bersara. Tiada kesalahan.
A B C D

Soalan 16 - 20

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betul.

- 16
- I Dia meronta-ronta sekuat tenaga tetapi tidak juga *lepas*.
 - II Mereka tidak *lepas* daripada menghadapi pancaroba kehidupan.
 - III *Lepas* makan tengah hari, bolehlah kita berjalan-jalan.
 - IV Keterangan yang telah diberikan itu tidak begitu *lepas*.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 17
- I Telinga budak itu yang *kasar* menjadi perhatian ramai.
 - II Ayahnya ialah seorang buruh *kasar*.
 - III Perabot itu cepat rosak kerana *kasar* buatannya.
 - IV Perbelanjaan hariannya dikira secara *kasar* sahaja.
- A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV
- 18
- I Mak Cik Mala *membawa* anaknya beberapa keping roti dan secawan teh.
 - II Awan mendung *membawa* alamat hujan akan turun tidak beberapa lama lagi.
 - III Husnina *membawa* hidupnya ke kota metropolitan untuk mengubah nasibnya.
 - IV Aktiviti mat rempit *membawa* keadaan kacau kepada penduduk di kawasan itu.
- A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C I, III dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

SULIT - Cg. Meganathan a/l Lachimanan

- 19 I Wang adik *gugur* kerana saku seluarnya koyak.
II Buah durian yang belum masak itu telah *gugur* akibat angin kencang semalam.
III *Gugurlah* haknya sebagai pemegang amanah apabila cucunya telah dewasa.
IV Jasa askar-askar yang *gugur* di medan perang itu akan dikenang selama-lamanya.
- A I dan II sahaja
B II dan IV sahaja
C I, III dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 20 I Hujan yang turun pada malam tadi sungguh *kuat*.
II Sungguhpun Ramli *kuat* makan, badannya tetap kurus.
III Walaupun sudah tua, datuk saya masih *kuat* mengayuh basikal ke bandar.
IV Apabila membeli perabot, saya mengutamakan barangan yang *kuat* buatannya.
- A I, II dan III sahaja
B II, III dan IV sahaja
C I, II dan IV sahaja
D I, III dan IV sahaja

Soalan 21 - 25

*Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan bahasa dan mungkin juga tidak.*

*Tandakan sama ada **A, B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.*

- 21 Kami telah berjalan lebih dari dua setengah kilometer.
A dari dua kilometer setengah.
B daripada dua kilometer setengah.
C daripada dua setengah kilometer.
D dari dua setengah kilometer.
- 22 Amri sering membanteras arahan gurunya yang baik hati itu..
A membantah arahan
B melarang arahan
C menyalahi arahan
D membanteras arahan
- 23 Pemilihan peserta ke pertandingan kuiz peringkat daerah dibuat berdasarkan kepada keputusan kuiz di peringkat sekolah.
A berdasarkan keputusan
B adalah berdasarkan keputusan
C adalah berdasarkan kepada keputusan
D berdasarkan kepada keputusan
- 24 Juruteknik itu sedang memperbaiki perisian komputer pelanggannya yang rosak.
A membaiki perisian komputer
B memperbaiki pengisian komputer
C membaikkkan pengisian komputer
D memperbaiki perisian komputer
- 25 Penduduk Kampung Setia bergotong-royong untuk memperlebarkan jalan ke kampung itu.
A bergotong-royong untuk melebar
B bergotong-royong untuk perlebarkan
C bergotong-royong untuk memperlebar
D bergotong-royong untuk memperlebarkan

Soalan 26 - 28

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 26**
- I Pemandangan di Kulim indah nian pada waktu malam.
 - II Encik Hamidon sangat sayang akan anak-anaknya.
 - III Pemain itu yang dikatakan paling handal sekali.
 - IV Inilah menara yang tertinggi sekali di Malaysia.
- A** I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 27**
- I Pengemis itu tidur berbantalkan dengan lengan.
 - II **Pembungkus makanan itu melakukan kerja dalam keadaan yang bersih.**
 - III Bomoh itu meletakkan kemenyan ke dalam perasap.
 - IV Pengembara sesat itu tiba di sebuah perkampungan Orang Asli.
- A** I dan IV sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 28**
- I Sekarang jugakah mereka akan membasuh pakaian?
 - II Telah berlepaskah mereka pagi tadi?
 - III Ahmad tidak menghantar surat hari ini?
 - IV Harga seikat buah rambutan itu berapakah?
- A** I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 29 dan 30

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 29** Aida amat gembira apabila suaminya menghadiahkan seutas rantai walaupun dia hanya mengharapkan sebentuk cincin sahaja.

Keadaan ini diibaratkan

- A** orang mengantuk disorongkan bantal.
- B** kecil tapak tangan, nyiru saya tadahkan.
- C** pucuk dicita ulam mendatang.
- D** punggung merindukan bulan.

- 30** Jurulatih pasukan itu hanya melebih-lebihkan cerita tentang kehebatan pasukannya untuk melemahkan semangat pasukan lawan.

Hal ini boleh diibaratkan

- A** membuang garam ke laut.
- B** tanah sekepal digunungkan.
- C** belum duduk sudah berlunjur.
- D** kalau tiada angin bertiup, takkan pokok bergoyang.